

Pengguna laman sosial mudah terpengaruh dengan maklumat yang dipaparkan dalam internet. [GAMBAR HIASAN]



Jumlah pengguna Facebook di Malaysia sudah mendekati 50 peratus penduduknya. Golongan belia berumur 18-24 tahun dan 25-34 tahun adalah dua kategori umur paling ramai menggunakan Facebook di Malaysia. Dari segi ukuran jantina, golongan lelaki adalah pengguna Facebook paling ramai - 54 peratus”

Dunia di hujung jari pengaruhi gaya hidup remaja

Perkembangan teknologi bawa gejala negatif berikutan sikap ingin cuba perkara baharu

Remaja boleh didefinisikan sebagai satu golongan peralihan iaitu peralihan dari segi sikap, fizikal, mental, emosi, rohani, dan jasmani daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa. Golongan ini merangkumi individu lelaki dan perempuan yang berusia dalam lingkungan umur 13 hingga 20 tahun.



DR MUZAFFAR SYAH MALLOW

remaja yang terjerumus dalam kegiatan jenayah dan masalah sosial.

Masyarakat pasti akan menyalahkan ibu bapa remaja jika berlaku kegiatan

jenayah dilakukan oleh remaja tanpa memikirkan punca masalah itu berlaku. Pengaruh-pengaruh luaran dan dalaman juga mungkin menyebabkan remaja terlibat dalam kegiatan jenayah.

Dalam proses memajukan negara, kita disogokkan dengan pelbagai rancangan dan artikel yang kurang bermutu dari Barat yang bertentangan dengan ajaran agama dan budaya kita. Hal ini dilakukan melalui media-media elektronik mahupun media cetak.

Rancangan Barat tonjol keganasan

Rancangan dari Barat menonjolkan ciri-ciri keganasan yang sesuai dengan jiwa remaja yang kuat memberontak. Hal ini akan mengakibatkan remaja yang menonton rancangan berkenaan akan terpengaruh dengan adegan ganas yang sesuai dengan naluri mereka yang sentiasa ingin mencuba sesuatu yang baru. Remaja tidak akan melakukan jenayah jika wujud kesedaran bahawa kegiatan berkenaan menyalahi undang-undang negara, melanggar batas agama, dan budaya bangsa remaja itu sendiri.

Seiring dengan pembangunan teknologi dalam era globalisasi tanpa sempadan, Malaysia akhirnya bangun untuk mengejar hasrat dan cita ke arah merealisasikan wawasan 2020 yang diimpikan. Sejajar dengan matlamat itu, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan pelbagai teknologi yang mampu menyampaikan maklumat walau dalam kadar kelipatan mata.

Mungkin ramai dalam kalangan kita yang masih belum mengetahui akan hakikat revolusi teknologi yang kian berkem-



bang, namun inilah realiti yang sedang berlaku khususnya dalam kalangan remaja masa kini yang gemar bergaya dengan telefon bimbit, laptop hatta MP3 keluaran terbaru tanpa mengira perbelanjaan yang dikeluarkan untuk membeli barangan berkenaan.

Jika dahulunya, manusia berhubung dengan isyarat atau perantaraan burung dan sebagainya, namun revolusi teknologi telah mengubah segala-galanya dalam sekelip mata sehingga ada yang mengatakan 'dunia di hujung jari'.

Perkembangan teknologi yang begitu pesat 'bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan', benar-benar membuka mata manusia melalui sistem komunikasi 'tanpa wayar' dan apa yang lebih ajaib, manusia kini mampu berhubung secara



▶ **1 BILION**
pengguna Facebook
sehingga 2013

▶ **167.4 JUTA**
pengguna Facebook
di Amerika, teramai di dunia

▶ **13.085 JUTA**
pengguna Facebook
di Malaysia

▶ **54 PERATUS**
lelaki pengguna
Facebook di Malaysia

menjadi daya tarikan pelbagai golongan masyarakat terutama golongan remaja untuk menggunakannya dalam menjalankan aktiviti harian mereka.

Penggunaan Facebook ini bukan sahaja menarik perhatian golongan muda, malah golongan pendidik seperti guru dan pensyarah. Ini kerana, ia dapat sedikit sebanyak membantu pelajar melalui proses konsultasi mudah melalui ruang percakapan, percakapan melalui video, penyebaran maklumat terkini mengenai isu pendidikan dan lain-lain di antara pendidik dan pelajar.

Tidak dapat dinafikan, setiap perkara yang berlaku di dunia ini, pasti ada baik dan buruknya, ada hitam dan putihnya. Kebaikan dan keburukan itu sememangnya suatu yang bersifat lumrah ke atas tiap sesuatu yang berlaku. Begitulah juga halnya dengan Facebook, sebuah laman web sosial yang sedang hebat melanda masyarakat dunia pada hari ini terutama golongan remaja yang rata-rata terdiri daripada golongan pelajar.

Facebook adalah sebuah laman web sosial yang mampu mengunjurkan kebaikan serta dapat menghasilkan pelbagai faedah jika ia diselia dengan cara dan kaedah yang betul serta penuh bertanggungjawab oleh pihak yang menggunakannya.

Jika ia digunakan dengan cara yang baik serta bertanggungjawab, pengguna Facebook boleh saling bertukar-tukar pandangan dan idea di samping menambah ilmu pengetahuan. Suasana pembelajaran secara sihat boleh diwujudkan melalui Facebook melalui perbincangan, forum atau isi yang menarik yang boleh dibincangkan bersama rakan-rakan.

Pernah dilaporkan oleh sebuah media tempatan bahawa jika Facebook adalah sebuah negara, Facebook pasti menjadi negara ketiga terbesar di dunia selepas negara China (1.3 bilion penduduk) dan India (1.18 bilion penduduk).

Jumlah pengguna aktif Facebook pada setiap bulan sehingga 2013 sudah melebihi

satu bilion. Amerika adalah negara yang mempunyai 167.4 juta pengguna Facebook teramai di dunia. Brazil negara kedua 65.23 juta pengguna, di ikuti India 62.76 juta pengguna.

Indonesia menjadi negara keempat mempunyai 50.58 juta pengguna Facebook. Jumlah itu bersamaan dengan 20.82 peratus daripada keseluruhan penduduk. Negara itu kini mempunyai bilangan penduduk seramai 242.96 juta orang menjadikan Indonesia satu-satunya negara Asia Tenggara mempunyai jumlah pengguna Facebook paling ramai mengalahkan negara Asia Tenggara lain seperti Singapura, Thailand dan Malaysia.

Dalam masa beberapa tahun akan datang, Facebook bakal menjadi negara digital terbesar di dunia dengan jumlah pengguna keseluruhan melebihi jumlah penduduk China.

Malaysia mempunyai seramai 13.085 juta pengguna Facebook berdasarkan statistik sehingga awal bulan Februari 2013. Jumlah itu lebih separuh daripada jumlah penduduk Malaysia yang kini seramai 28.859 juta orang setakat 18 Januari 2013 mengikut data World Bank.

50 peratus penduduk Malaysia guna Facebook

Jumlah pengguna Facebook di Malaysia sudah mendekati 50 peratus penduduknya. Golongan belia berumur 18-24 tahun dan 25-34 tahun adalah dua kategori umur paling ramai menggunakan Facebook di Malaysia. Dari segi ukuran jantina, golongan lelaki adalah pengguna Facebook paling ramai - 54 peratus pengguna Facebook di Malaysia adalah lelaki, manakala selebihnya iaitu 46 peratus adalah perempuan.

Anda boleh teliti statistik terkini taburan pengguna Facebook di Malaysia dengan lebih lanjut di SocialBakers. Pada tahun 2012, negara digemparkan dengan kes rogol yang membabitkan seorang pelajar. Gara-gara keasyikan cinta Facebook, seorang pelajar perempuan berusia 13 tahun di Ipoh, Perak bukan sahaja sanggup ponteng seko-

lah untuk bertemu teman lelakinya malah, beberapa kali menjadi mangsa rogol suspek yang dikenalnya melalui laman sosial itu.

Remaja perempuan terabit kali pertama dirogol oleh remaja berusia 16 tahun pada November tahun 2011 ketika dia masih berusia 12 tahun. Mangsa memberitahu, dia mula mengenali lelaki itu yang bekerja sebagai tukang masak di sebuah restoran di Kuala Lumpur melalui Facebook pada pertengahan tahun lalu.

Kes remaja dirogol kenalan Facebook perlu dipandang serius kerana terdapat banyak kes seumpama itu berlaku kebelakangan ini. Baru-baru ini juga, negara kita telah digemparkan dengan kes pembunuhan kejam Ng Yuk Tim, 15, tahun, yang dilaporkan hilang sejak hari Isnin 21 Oktober 2013 telah dibunuh dan mayat beliau ditemui dalam sebuah beg pakaian berwarna hijau pada jam 9 malam 22 Oktober 2013.

Mayat ditemui dalam keadaan tragis apabila disumbatkan ke dalam beg pakaian, dipercayai dibuang oleh suspek di tepi Jalan Kebun Nanas 1A/KS7. Mangsa dipercayai dibunuh oleh kenalan yang ditemui melalui laman sosial Facebook. Mangsa mati akibat dipukul di kepala dengan objek tumpul.

Soal siasat terhadap suspek, mendapati mangsa telah dibunuh hampir 12 jam berdasarkan keadaan mayat yang sudah berbau. Selain itu, terdapat kesan gigitan di tangan suspek, dipercayai digigit mangsa dalam usaha melepaskan diri. Suspek bekerja sebagai operator mesin dan mangsa yang baru selesai menduduki Penilaian Menengah Rendah (PMR) itu adalah kenalan dan dikatakan mengenali antara satu sama lain melalui internet beberapa bulan sebelum kejadian.

Akta kawal pengguna siber

Pelbagai undang-undang telah lama wujud di Malaysia bagi mengawal tingkah laku pengguna alam siber termasuk melalui Facebook. Antara yang paling menonjol ialah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Keterangan 1950, serta Kanun Keseksaan.

Namun, akta-akta yang sedia wujud tidak cukup untuk mengawal jumlah pengguna Facebook yang begitu ramai. Pindaan terhadap beberapa akta dan seksyen yang sedia ada ini juga perlu dilakukan bagi memastikan ia terus relevan dengan keadaan semasa.

Terdapat juga usaha kempen yang dijalankan oleh beberapa individu serta badan bukan kerajaan dalam negara dengan memberi nasihat pencegahan jenayah melalui Facebook seperti *Malaysian Crime Awareness Campaign* (Kempen Kesedaran Jenayah Malaysia). Polis DiRaja Malaysia (PDRM) juga banyak memberi nasihat kepada orang awam terutama kepada ibu bapa untuk memberi pengawasan rapi terhadap anak mereka ketika melayari internet.

bersemuka melalui kaedah 3G, Yahoo Messenger, Streamyx dan sebagainya.

Wabak teknologi

Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa dunia kini dilanda 'wabak teknologi' yang dahsyat sehinggakan ramai dalam kalangan remaja khususnya terkena suatu sindrom yang dikenali sebagai, 'techno syndrome'. Virus yang kian merebak dalam kalangan remaja kini begitu membimbangkan apabila mereka mudah sekali terpengaruh dengan teknologi yang diperkenalkan serta ingin mencuba perkara baru.

Dunia masa kini telah dan sedang berubah dalam proses revolusi maklumat dan komunikasi yang melahirkan satu peradaban manusia yang baru yang dapat memberi serta mempermudah manusia untuk saling berhubungan serta meningkatkan sistem rangkaian sosial.

Kehadiran media massa, seperti surat khabar, radio, televisyen dan internet, sebagai komunikasi telah berpengaruh luas. Suatu pesanan atau berita dapat diberi serta diterima dengan mudah oleh masyarakat dalam waktu yang relatif singkat.

Pelbagai cara moden yang boleh diperoleh melalui internet sebagai alat komunikasi oleh golongan remaja dan antara yang paling popular ialah Facebook. Boleh dikatakan, Facebook ialah revolusi jaringan sosial yang terbaik setakat ini, jika dibandingkan dengan laman sosial lain seperti Twitter, Myspace, Friendster, Tagged dan sebagainya.

Ini kerana Facebook lebih mudah digunakan serta mesra pengguna. Ia telah



Sebahagian pelajar yang menyertai rakan cop pada Program Kesedaran Jenayah Siber Daerah Batu Gajah, Perak baru-baru ini.

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM